



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
SYARIKAT YANG MENUBUHKAN
SYARIKAT BERTUJUAN KHAS
BAGI PENERBITAN SUKUK
– SEKSYEN 60I AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967**

KETETAPAN UMUM NO. / 2023

TARIKH PENERBITAN: 2023



**LAYANAN CUKAI KE ATAS SYARIKAT YANG MENUBUHKAN
SYARIKAT BERTUJUAN KHAS BAGI PENERBITAN SUKUK
– SEKSYEN 60I AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. /2023
Tarikh Penerbitan: 2023**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2023 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

| KANDUNGAN | Muka surat |
|--|-------------------|
| 1. Objektif | 1 |
| 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan | 1 |
| 3. Tafsiran | 1 |
| 4. Pengenalan Peruntukan Seksyen 60I Akta Cukai Pendapatan 1967 | 2 |
| 5. Syarikat Bertujuan Khas | 2 |
| 6. Instrumen Kewangan Islam – Sukuk | 6 |
| 7. Layanan Cukai | 10 |
| 8. Penafian | 17 |

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai ke atas syarikat yang menubuhkan Syarikat Bertujuan Khas (SBK) bagi penerbitan sukuk di bawah seksyen 60I Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuatkuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan ACP yang berkaitan dengan KU ini adalah subseksyen 60I(1), subseksyen 60I(2), subseksyen 60I(3), subseksyen 60I(3A) dan subseksyen 60I(4) ACP.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
 - (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.14) 2007 [P.U.(A) 180/2007]
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan ke atas Kos Penerbitan Sekuriti Islam) 2007 [P.U.(A) 176/2007]
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Sukuk) [P.U.(A) 5/2021] yang menggantikan [P.U.(A) 117/2019] dan [P.U.(A) 118/2019]
 - (d) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Terbitan atau Penawaran Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab) (Pindaan) 2021 [P.U (A) 2/2021] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Terbitan atau Penawaran Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab) 2017 [P.U.(A) 221/2017].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Aset pendasar" merujuk kepada sekuriti, indeks, mata wang, komoditi atau aset/ rujukan lain atau gabungan aset/ rujukan tersebut.
- 3.2 "Majlis Penasihat Syariah" (MPS) ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993. [Akta 498]

- 3.3 "*Obligor*" bermaksud entiti yang diwajibkan secara kontrak untuk memenuhi kewajipan kewangan penerbit.
- 3.4 "Pemula" merujuk kepada mana-mana entiti yang ingin memindahkan atau melupuskan asetnya kepada SPV dalam transaksi pensekuritan.
- 3.5 "Suruhanjaya Sekuriti Malaysia" (SSM) ertinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993. [Akta 498]

4. Pengenalan Peruntukan Seksyen 60I ACP

Pada masa ini, untuk memperoleh pembiayaan melalui pasaran modal Islam, syarikat-syarikat perlu menubuhkan SBK semata-mata untuk tujuan menyalurkan dana. Sebagai sebuah syarikat, SBK tertakluk kepada cukai pendapatan dan perlu mematuhi semua keperluan pentadbiran di bawah ACP.

Bagi mempromosikan Malaysia sebagai hab pasaran modal Islam dan memandangkan SBK ditubuhkan semata-mata untuk menyalurkan dana melalui penerbitan sukuk, peruntukan di bawah Seksyen 60I ACP diperkenalkan berkuat kuasa tahun taksiran 2007 untuk memberikan galakan cukai seperti berikut:

- 4.1 SBK tidak tertakluk kepada cukai pendapatan dan dengan itu tidak perlu mematuhi prosedur pentadbiran di bawah ACP; dan
- 4.2 Syarikat-syarikat yang menubuhkan SBK diberikan potongan ke atas kos penerbitan sukuk yang ditanggung oleh SBK. Pendapatan yang diterima oleh SBK dianggap sebagai pendapatan syarikat yang menubuhkan SBK dan tertakluk kepada cukai pendapatan.

Galakan cukai ini diberikan dengan syarat SBK ditubuhkan semata-mata untuk tujuan menyalurkan dana bagi tujuan pembiayaan secara Islam yang diluluskan oleh SSM.

5. Syarikat Bertujuan Khas (SBK)

5.1 Definisi SBK

Di bawah subseksyen 60I(4) ACP, SBK bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 yang telah membuat pilihan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dan ditubuhkan semata-mata untuk tujuan mematuhi prinsip Syariah dalam penerbitan sukuk tetapi tidak termasuk syarikat yang menerbitkan Sukuk

Bersandarkan Aset dalam transaksi pensekuritan yang diluluskan oleh SSM atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Secara amnya, SBK adalah sebuah entiti undang-undang yang berasingan dan kebanyakannya ditubuh oleh syarikat untuk tujuan tunggal yang sah dan jelas. Ia merupakan syarikat subsidiari yang diwujudkan oleh syarikat induk untuk mengasingkan risiko kewangan perniagaan. Status undang-undangnya sebagai syarikat yang berasingan menjadikan obligasinya terjamin walaupun syarikat induk itu mufliis. Atas sebab ini, SBK kadangkala dipanggil “Entiti *Remote* Kebangkrapan”.

Pemula boleh menubuhkan SBK sebagai perkongsian terhad, amanah, perbadanan, syarikat liabiliti terhad dan jenis entiti perniagaan lain.

SBK digunakan secara meluas sebagai kaedah penstrukturan semula aset dalam transaksi kewangan perniagaan. Dua kaedah penstrukturan yang biasa diamalkan ialah pada kunci kira-kira (*on-balance sheet*) atau luar kunci kira-kira (*off-balance sheet*) seperti berikut:

- (a) Dalam penstrukturan SBK pada kunci kira-kira, Pemula akan menubuhkan SBK milik penuh untuk mengambil pemilikan aset tetapi akan mengekalkan pemilikan dan kawalan langsung ke atas SBK itu sendiri. Struktur SBK kunci kira-kira jenis ini biasanya digunakan dalam struktur kumpulan untuk tujuan perakaunan, cukai dan pentadbiran.
- (b) Sebaliknya, untuk penstrukturan SPV luar kunci kira-kira, ia biasanya digunakan untuk urus niaga pembiayaan terjamin dan boleh ditubuhkan oleh Pemula atau pembiaya bergantung kepada keperluan transaksi. SBK akan diasingkan secara sah (atau *orphan*) daripada Pemula dan bebas daripada pihak urus niaga lain, seperti pembiaya. Dari perspektif perakaunan, struktur SBK jenis ini biasanya bukan sebahagian daripada kumpulan pengendali/ benefisiari atau pembiayaan, kerana kedua-dua pihak tidak mempunyai kepentingan pemilikan langsung dalam SBK, bermakna aset adalah di luar kunci kira-kira pengendali/ benefisiari.

5.2 Tujuan SBK

5.2.1 Terdapat beberapa tujuan untuk menubuhkan SBK dimana antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Pembiayaan

SBK boleh digunakan untuk membiayai projek-projek baharu tanpa meningkatkan beban hutang syarikat dan tanpa mencairkan saham sedia ada. Ini membolehkan pelabur melabur dalam projek tertentu

tanpa secara langsung melabur dalam syarikat induk. Struktur ini biasanya digunakan untuk membiayai projek infrastruktur yang besar.

(b) Pensekuritian

Pensekuritian adalah sebab yang lazim dalam penubuhan SBK. Ia merupakan proses penerbitan sekuriti dengan menjual aset kewangan tertentu kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai atau sebagai instrumen untuk memperoleh dana baharu pada kos yang lebih rendah dan menarik berbanding meminjam secara langsung daripada institusi kewangan.

Aset kewangan yang menjana aliran tunai pada masa hadapan akan dijual oleh syarikat yang memerlukan kecairan (*liquidity*) atau dana baharu kepada pihak ketiga, iaitu SBK, untuk mendapatkan wang tunai. Untuk membayar pembelian aset-aset ini, SBK akan menerbitkan sekuriti hutang kepada pelabur berdasarkan aliran tunai masa hadapan aset yang dibeli sebagai cagaran. Pelabur pula akan menerima pulangan melalui aliran tunai masa hadapan yang dikendalikan oleh SBK.

(c) Pengurangan Risiko

Mana-mana syarikat yang merancang untuk menjalankan projek atau operasi dengan risiko yang besar seringkali menubuhkan SBK untuk mengasingkan risiko yang terlibat daripada syarikat induk (Pemula).


(d) Pemindahan Aset

Beberapa aset mungkin sukar untuk dipindahkan secara langsung. Oleh itu, syarikat boleh mencipta SBK untuk memiliki aset-aset tersebut. Apabila syarikat ingin memindahkan aset-aset ini, ia boleh menjual SBK sebagai sebahagian daripada proses penggabungan dan pengambilalihan.

(e) Peningkatan Modal


SBK juga digunakan oleh institusi kewangan untuk meningkatkan modal tambahan pada kadar pinjaman yang lebih baik. Oleh kerana aset dimiliki oleh SBK, kualiti kredit bergantung kepada cagaran dan bukan pada kualiti kredit syarikat yang memerlukan modal. Ini memberikan kelebihan kepada syarikat bukan pelaburan untuk memperoleh dana pada kadar yang lebih rendah dengan mengasingkan aset dalam SBK.

5.2.2 Struktur tipikal SBK untuk mendapatkan pembiayaan adalah seperti berikut:



- (a) Pemula menubuhkan SBK dan menjual aset pada kunci kira-kiranya serta memperoleh pembiayaan melalui SBK tersebut.
- (b) Pembelian aset daripada Pemula dibiayai oleh SBK melalui pembiayaan hutang daripada pelabur. SBK memulakan transaksi dengan memindahkan wang yang diperoleh daripada pelabur kepada Pemula. Aset pula dipindahkan secara bertentangan iaitu daripada Pemula ke SBK, seterusnya ke bank pelaburan dan akhirnya kembali semula kepada Pemula.
- (c) Bank adalah pengatur utama yang akan mengumpul aset/ pinjaman dan kemudian menjualnya kepada pelabur. Tempoh SBK berakhir apabila nota hutang ditebus oleh para pelabur.

5.2.3 Gambar rajah berikut pula menggambarkan struktur tipikal SBK dalam pensekuritian:



- (a) Syarikat induk, sebagai Pemula, yang memerlukan modal akan menubuhkan sebuah SBK dan menjual aset yang diperlukan kepada SBK tersebut.

- (b) SBK akan menerbitkan sukuk kepada para pelabur, manakala Pemula akan memperoleh dana daripada penjualan sukuk kepada pelabur melalui SBK.
- (c) Pelabur akan menerima pulangan pelaburan apabila Pemula membeli semula aset-aset pada nilai nominal daripada SBK pada tarikh matang.

SBK merupakan komponen utama dalam penerbitan sukuk di bawah instrumen Kewangan Islam.

6. Instrumen Kewangan Islam - Sukuk

6.1 Definisi Sukuk

Di bawah seksyen 2(1) ACP dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, sukuk mempunyai maksud yang sama seperti yang ditetapkan oleh SSM.

Menurut SSM yang merupakan badan pengawalselia utama bagi sukuk di Malaysia, sukuk merujuk kepada sijil yang sama nilai yang membuktikan pemilikan atau pelaburan tidak berbelah bahagi dalam aset menggunakan prinsip dan konsep Syariah yang disahkan oleh MPS. SSM telah menyediakan pelbagai garis panduan untuk memberikan pemahaman yang jelas kepada pelabur dan syarikat yang menerbitkan sukuk dalam memastikan penerbitan sukuk di Malaysia adalah patuh Syariah. Untuk maklumat lanjut mengenai sukuk, sila layari laman web <https://www.sc.com.my>

Menurut badan antarabangsa Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), sukuk boleh ditakrifkan sebagai sijil bernilai sama yang mewakili pemilikan yang tidak berbelah bahagi dalam aset ketara, hak guna pakai (*usufructs*) dan perkhidmatan atau (dalam pemilikan) aset-aset projek tertentu atau aktiviti pelaburan khas.

Mengenai layanan cukai ke atas sukuk, subseksyen 2(7) ACP menyatakan "apa-apa rujukan dalam Akta ini mengenai faedah hendaklah terpakai, mutatis mutandis, kepada keuntungan atau hasil yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti kepada faedah dalam transaksi yang dijalankan mengikut prinsip Syariah".

Peruntukan ini menetapkan kesamarataan layanan cukai antara faedah dalam bon dan keuntungan dalam sukuk. Pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung dalam transaksi sukuk dianggap serupa

dengan layanan cukai faedah dalam pengaturan pembiayaan konvensional.

6.2 Struktur Sukuk

Terdapat dua jenis struktur sukuk di pasaran modal iaitu Sukuk Berasaskan Aset dan Sukuk Bersandarkan Aset seperti berikut:

6.2.1 Sukuk Berasaskan Aset

Sukuk Berasaskan Aset tidak memberikan hak pemilikan undang-undang kepada aset yang digunakan sebagai asas bagi sukuk yang diterbitkan. Sebaliknya, penerbit sukuk hanya memindahkan pemilikan benefisial aset pendasar kepada pemegang sukuk. Memandangkan tiada pemindahan undang-undang pemilikan aset pendasar kepada pemegang sukuk, aset pendasar kekal pada kunci kira-kira *Obligor* (entiti yang mempunyai kewajipan untuk menebus sukuk).

Justeru, Sukuk Berasaskan Aset cenderung untuk mempamerkan profil pulangan risiko yang serupa dengan bon konvensional. Pemegang bon biasanya disenaraikan “*pari passu*” dengan pemiutang tidak bercagar lain sekiranya berlaku kemungkiran dan mereka bergantung kepada kepercayaan kredit *Obligor* untuk pembayaran balik prinsipal dan kupon mereka. Begitu juga sekiranya berlaku kemungkiran, pemegang sukuk tidak dapat membuat tuntutan terhadap aset yang dipegang oleh SBK bagi pihak mereka.

Secara keseluruhannya, Sukuk Berasaskan Aset menetapkan kewajipan kewangan ke atas *Obligor* untuk membuat pulangan berkala (*coupon*) dan membayar balik prinsipal apabila sukuk matang. Walau bagaimanapun, jika *Obligor* gagal melaksanakan kewajibannya, pemegang sukuk hanya mempunyai hak pelupusan yang terhad kerana mereka dikehendaki menjual kembali aset tersebut kepada *Obligor*. Oleh kerana itu, penilaian kredit *Obligor* akan menjadi faktor utama yang mempengaruhi kualiti kredit dan penarafan sukuk.

Sukuk Berasaskan Aset dianggap sebagai bon dari perspektif undang-undang untuk tujuan percukaian.

6.2.2 Sukuk Bersandarkan Aset

Sukuk Bersandarkan Aset, sebaliknya, melibatkan pemindahan pemilikan sebenar melalui penjualan sebenar (*true sale*) aset pendasar oleh Pemula kepada SBK (Entiti *Remote* Kebankrapan). Obligasi pembayaran sukuk diperolehi daripada aliran tunai yang dijana oleh aset pendasar.

Pemula yang ingin mengumpul dana akan menjual sekumpulan aset untuk tujuan menjana pendapatan melalui transaksi pensekuritan yang memenuhi dua kriteria teknikal yang disebutkan di atas iaitu "penjualan sebenar" dan "Entiti *Remote* Kebankrapan". Penjualan sebenar dari perspektif undang-undang dan *remote* kebangkrapan akan memastikan bahawa pemiutang Pemula tidak boleh mengambil semula aset kerana ia telah diasingkan daripada kunci kira-kira Pemula sekiranya berlaku kebangkrapan.

Secara ringkasnya, Sukuk Bersandarkan Aset merujuk kepada struktur yang melibatkan pensekuritan, *remote* kebangkrapan dan pemindahan hak milik undang-undang aset pendasar hasil daripada transaksi penjualan sebenar.

Dalam Sukuk Bersandarkan Aset, pemegang sukuk mempunyai hak tuntutan terhadap aset dan bukan terhadap Pemula. Prestasi sebenar aset pendasar akan menentukan pulangan kepada pemegang sukuk. Sekiranya aset pendasar berprestasi baik ketika Pemula menghadapi kebangkrapan, pembayaran pemegang sukuk tidak akan terganggu. Namun, jika aset pendasar tidak berprestasi, pemegang sukuk akan terjejas kerana mereka tidak mempunyai hak tuntutan terhadap kepada Pemula.

6.2.3 Perbandingan antara Sukuk Berasaskan Aset dan Sukuk Bersandarkan Aset:

| Ciri-ciri | Sukuk Berasaskan Aset | Sukuk Bersandarkan Aset |
|---------------|--|---|
| Pemilikan | Melibatkan pemindahan pemilikan benefisial aset pendasar kepada pemegang sukuk, tetapi bukan hak milik undang-undang. Tidak bercagar di mana pemegang sukuk berpangkat pari passu dengan pemiutang tidak bercagar | Melibatkan sokongan aset, pemindahan pemilikan hak milik undang-undang dan <i>remote</i> kebangkrapan. Prestasi sebenar aset menentukan pulangan kepada pemegang sukuk |
| Aset Pendasar | Sebarang aset ketara, penghutang, aset tidak | Sebarang aset ketara, penghutang, aset tidak |

| | | |
|--|--|---|
| | ketara atau usaha niaga yang patuh Syariah | ketara atau usaha niaga yang patuh Syariah |
| Layanan Perakaunan | Pada kunci kira-kira (untuk <i>Obligor</i> atau penerbit) | Biasanya direka bentuk sebagai di luar kunci kira-kira (untuk Pemula atau penerbit) |
| Rekursa (<i>recourse</i>) | Pemegang sukuk mempunyai rekursa kepada <i>Obligor</i> atau penerbit sahaja (tetapi bukan aset) | Pemegang sukuk hanya mempunyai rekursa terhadap aset yang disandarkan oleh sukuk sahaja |
| Sumber pendapatan bagi pemegang sukuk | Sumber utama pembayaran biasanya berasal dari aliran tunai <i>Obligor/</i> penerbit dan tidak semestinya daripada aset sukuk itu sendiri | Sumber utama pembayaran adalah hasil yang dijana daripada aset sukuk pendasar |
| Kos pembiayaan | Dipengaruhi oleh pasaran, bergantung kepada <i>Obligor/</i> penerbit | Dipacu oleh modal, bergantung kepada kekuatan aliran tunai aset |
| Sekiranya berlaku kemungkiran (<i>default</i>) | Pemilikan aset tidak terletak pada pemegang sukuk | Pemilikan aset terletak pada pemegang sukuk |
| Penarafan | Penarafannya bergantung kepada kekuatan <i>Obligor/</i> penerbit | Penarafannya bergantung kepada kekuatan aliran tunai aset |

6.2.4 Ringkasan mengenai perbandingan layanan cukai antara Sukuk Berasaskan Aset dan Sukuk Bersandarkan Aset:

| Ciri-ciri | Sukuk Berasaskan Aset | Sukuk Bersandarkan Aset |
|--|--|---|
| Rujukan perundangan | Peruntukan Seksyen 60I ACP terpakai | Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pensekuritian Bersandarkan Aset) 2014 [P.U.(A) 170/2014] terpakai |
| Pendapatan/ dan perbelanjaan yang ditanggung SBK | SBK tidak tertakluk kepada cukai atau prosedur pentadbiran cukai. Sebarang sumber pendapatan SBK dianggap sebagai sumber pendapatan Pemula | Sebarang pendapatan SBK dianggap sebagai satu sumber tunggal - pendapatan perniagaan dan perbelanjaan yang ditanggung dalam urus niaga pensekuritian adalah boleh ditolak |
| Pelupusan/ pemindahan aset | Tiada pelupusan/ pemindahan aset. Aset masih kekal dalam kunci kira-kira Pemula | Pelupusan/ pemindahan aset berlaku. Aset diasingkan daripada kunci kira-kira Pemula |

7. Layanan Cukai

KU ini bertujuan untuk menjelaskan layanan cukai di bawah peruntukan Seksyen 60I ACP khusus kepada SBK yang ditubuhkan semata-mata untuk penerbitan sukuk selain daripada Sukuk Bersandarkan Aset. Oleh itu, layanan cukai ini hanya terpakai kepada Sukuk Berasaskan Aset atau instrumen yang serupa.

7.1 Layanan cukai di bawah Seksyen 60I ACP

Seksyen 60I ACP diperkenalkan untuk memberi layanan khusus kepada SBK yang ditubuhkan semata-mata untuk menerbitkan sukuk selain daripada Sukuk Bersandarkan Aset.

Layanan cukai kepada syarikat yang menubuhkan SPV semata-mata untuk menerbitkan sukuk

Di bawah subseksyen 60I(1) hingga subseksyen 60I(3) ACP, pendapatan yang diterima dan kos penerbitan yang ditanggung oleh SBK dianggap diterima dan ditanggung oleh Pemula iaitu syarikat yang menubuhkan SBK tersebut. SBK tidak tertakluk kepada cukai pendapatan dan oleh itu tidak perlu mematuhi prosedur pentadbiran di bawah ACP. Pemula yang menubuhkan SBK, bertanggungjawab untuk taksiran cukai ke atas semua sumber pendapatan yang diperoleh oleh SBK dan mesti mematuhi semua peruntukan di bawah ACP.

Pemakaian peruntukan Seksyen 60I ACP terhad kepada hubungan satu dengan satu sahaja secara khusus antara Pemula dan SBK. Dalam hal ini, jika syarikat subsidiari lain turut terlibat sebagai penjamin bagi penerbitan sukuk, selain daripada Pemula, Seksyen 60I tidak terpakai. Walaupun tiada halangan dikenakan di bawah peruntukan ini, kewujudan lebih daripada satu syarikat yang menuntut boleh menyebabkan mitigasi risiko ke atas pembahagian kos oleh setiap entiti dan manipulasi tuntutan.

Memperluaskan layanan cukai bagi syarikat yang menubuhkan SBK dengan melanjutkan kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (APHT) atau Tabung Amanah Harta (TAH) - subseksyen 60I(3A) ACP

Peruntukan sedia ada terpakai kepada syarikat yang menubuhkan SBK semata-mata untuk tujuan menerbitkan sukuk. SBK dikecualikan daripada mematuhi sebarang peruntukan di bawah ACP. Syarikat yang menubuhkan SBK bertanggungjawab untuk taksiran cukai ke atas semua sumber pendapatan yang diperoleh oleh SBK dan mesti mematuhi semua peruntukan di bawah ACP.

Pindaan di bawah subseksyen 60I(3A) itu bertujuan melanjutkan layanan cukai di bawah subseksyen 60I(1) hingga subseksyen 60I(3) ACP kepada unit amanah yang diluluskan oleh SSM yang menubuhkan SBK semata-mata bagi maksud penerbitan sukuk. Dengan pindaan ini, APHT atau TAH bertanggungjawab untuk taksiran cukai ke atas semua pendapatan yang diperoleh oleh SBK dan mesti mematuhi semua peruntukan di bawah ACP. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015.

Penyeragaman layanan cukai ke atas SBK

Peruntukan di bawah subseksyen 60I(4) ACP diperkenalkan untuk menggalakkan penerbitan sukuk dan menyeragamkan layanan cukai ke atas SBK. Layanan cukai khas yang diberikan kepada SBK yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 diperluaskan kepada SBK yang ditubuhkan di bawah

Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Perjanjian ini diberikan kepada SBK yang membuat pilihan di bawah seksyen 3A Akta Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 untuk dikenakan cukai di bawah ACP. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2010.

Contoh 1

Layanan cukai terhadap kos penerbitan sukuk dan bayaran agihan yang dibuat oleh SBK kepada pemegang sukuk

Global Rintis Sdn Bhd (GRSB) ditubuhkan pada tahun 1991 dan merupakan pengeluar produk berasaskan getah yang dieksport ke 95 negara pada masa ini.

Pada 2019, sebuah syarikat yang berfungsi sebagai SBK, Prima Rintis Berhad (PRB) telah diperbadankan di bawah GRSB dengan tujuan khusus menerbitkan program sukuk yang telah diluluskan oleh SSM.

Menurut GRSB (Pemula), dana yang diperoleh daripada program sukuk ini akan digunakan sepenuhnya oleh kumpulan syarikat untuk tujuan perniagaan seperti berikut:

- (a) Pembiayaan semula hutang atau pembiayaan hutang sedia ada
- (b) Bayaran balik pinjaman antara syarikat
- (c) Pembiayaan modal kerja
- (d) Tujuan korporat lain

Kos penerbitan sukuk yang timbul daripada program sukuk ini dan bayaran agihan kepada pemegang sukuk adalah ditanggung oleh PRB (SBK).

Menurut peruntukan subseksyen 60I(1) ACP, pendapatan dan perbelanjaan PRB (syarikat SBK yang semata-mata ditubuhkan untuk penerbitan sukuk) adalah dianggap sebagai pendapatan dan perbelanjaan syarikat GRSB (Pemula).

Oleh yang demikian, kos penerbitan sukuk dan bayaran agihan (*coupon*) kepada pemegang sukuk dan telah ditanggung oleh PRB (SBK) adalah dibenarkan sebagai potongan cukai di peringkat GRSB (Pemula).

Contoh 2

APHT/ TAH yang menubuhkan SBK

Excel REIT Sukuk Berhad (ERSB) adalah SBK yang ditubuhkan pada tahun 2018 di bawah Excel Real Estate Investment Trust (Excel REIT) khusus untuk tujuan mengumpul dana kewangan bagi pihak Excel REIT melalui penerbitan sukuk.

Pindaan kepada subseksyen 60I(3A) ACP, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2015, bertujuan melanjutkan layanan cukai di bawah subseksyen 60I(1) hingga 60I(3) ACP kepada unit amanah yang diluluskan oleh SSM sebagai APHT atau TAH yang menubuhkan SBK semata-mata untuk tujuan penerbitan sukuk.

Oleh itu, bermula dari tahun taksiran 2015, penubuhan SBK oleh unit amanah yang diluluskan oleh SSM sebagai APHT atau TAH, dikecualikan daripada sebarang obligasi di bawah ACP termasuklah pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan.

Dalam kes ini, jika syarat-syarat di bawah Seksyen 60I ACP dipenuhi, pendapatan ERSB yang merupakan SBK dianggap sebagai pendapatan kepada Excel REIT yang merupakan Pemula. ERSB dikecualikan daripada sebarang kewajipan di bawah ACP termasuk tidak dikehendaki memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan berkuat kuasa mulai daripada tahun taksiran 2015.

7.2 Layanan cukai jika peruntukan Seksyen 60I ACP tidak terpakai

Bagi syarikat induk yang telah menubuhkan SBK namun tidak memenuhi syarat di bawah Peruntukan Seksyen 60I ACP, SBK yang ditubuhkan itu boleh menuntut potongan bagi perbelanjaan penerbitan sukuk melalui perundangan subsidiari Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Ke Atas Terbitan Sukuk) P.U.(A) 5/2021.

P.U.(A) 5/2021 tersebut membenarkan potongan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat ke atas penerbitan sukuk yang diluluskan oleh SSM atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Manakala “syarikat” yang dimaksudkan adalah syarikat yang bermastautin di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 atau Akta Syarikat Labuan 1990.

Contoh 3

Layanan cukai sekiranya Pemula bukan merupakan sebuah “syarikat”

Bank Perusahaan Berhad (BPB) merupakan sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Ordinan Koperasi 1948.

Pada 2021, BPB menerbitkan sukuk di bawah Program Sukuk Wakalah berjumlah RM10 bilion melalui SBK iaitu Perusahaan Sukuk Berhad (PSB).

Subseksyen 60I (1) ACP hanya terpakai kepada "syarikat" yang ditubuhkan SBK semata-mata untuk penerbitan sukuk.

PSB adalah SBK yang ditubuhkan oleh BPB yang merupakan sebuah koperasi dan bukan "syarikat". Oleh itu, Seksyen 60I tidak terpakai kepada PSB.

P.U.(A) 5/2021 membenarkan potongan daripada pendapatan diselaraskan bagi jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat bagi penerbitan sukuk yang diluluskan oleh SCM atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Maksud "syarikat" di bawah P.U.(A) 5/2021 merujuk kepada syarikat yang bermastautin di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 atau Akta Syarikat Labuan 1990.

Walaupun Seksyen 60I ACP tidak terpakai kepada PSB (SBK), jika PSB memenuhi maksud "syarikat" di bawah P.U.(A) 5/2021 serta menjadi syarikat yang menerbitkan Sukuk Wakalah bagi pihak Pemula, maka PSB layak menuntut perbelanjaan bagi penerbitan sukuk di bawah P.U.(A) 5/2021.

Kesimpulannya, berdasarkan penilaian kes ini, PSB tidak termasuk dalam skop Seksyen 60I ACP. Namun begitu, PSB boleh menuntut perbelanjaan penerbitan sukuk secara langsung (tanpa melalui Pemula) kerana ia telah memenuhi maksud "syarikat" di bawah P.U.(A) 5/2021.

Contoh 4

Layanan cukai sekiranya SBK ditubuhkan oleh sebuah pemegang amanah (trustee) yang dilantik

Sebuah syarikat yang berfungsi sebagai SBK telah diperbadankan untuk tujuan penerbitan sukuk.

Walaubagaimanapun, pegangan saham SBK ini dimiliki oleh pemegang amanah yang dilantik dan bukannya oleh Synergy Sdn Bhd (SSB) yang merupakan syarikat induk/ Pemula.

Secara amnya, suatu amanah adalah pengaturan yang dibuat apabila terdapat pemindahan hakmilik di sisi undang-undang oleh pemilik harta/ aset (penyelesai, pemberi, atau pencipta amanah) kepada orang yang dilantik (pemegang amanah) dengan arahan supaya pemegang amanah memegang dan menguruskan harta/ aset untuk manfaat orang lain (satu atau beberapa benefisiari).

Dalam penerbitan sukuk, pemegang amanah dilantik oleh penerbit untuk bertindak sebagai perantara antara penerbit dan benefisiari. Pemegang amanah bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan kedua-dua pihak, terutamanya dalam keadaan kemungkiran penerbit.

Berdasarkan fakta dalam kes ini, SSB telah melantik sebuah pemegang amanah untuk menubuhkan syarikat perantara (SBK) bagi penerbitan sukuk, didapati struktur ini tidak memenuhi kehendak Seksyen 60I ACP. Ini kerana tiada hubungan langsung antara Pemula dan syarikat perantara (SBK).

Oleh itu, Pemula tidak dianggap "sebuah syarikat yang menubuhkan SBK" untuk tujuan Seksyen 60I ACP.

Contoh 5

Layanan cukai sekiranya SBK ditubuhkan bersama oleh Pemula dan syarikat-syarikat subsidiari yang lain

AB Berhad (ABB) bercadang untuk melaksanakan projek pembangunan bersepadu melibatkan pembinaan berperingkat pusat komersial yang merangkumi menara pejabat, lot runcit, pangsapuri dan sebuah hotel.

ABB telah memberi kepercayaan kepada anak syarikat milik penuhnya, BC Sdn Bhd (BCSB), untuk menjayakan projek ini. Sehubungan itu, BCSB telah menggabungkan beberapa syarikat subsidiari milik penuh untuk melaksanakan pembangunan khusus dalam projek ini. Pembangunan khusus yang akan dilaksanakan oleh BCSB dan syarikat-syarikat subsidiari milik penuhnya adalah seperti berikut:

| Nama syarikat | Projek Pembangunan |
|-------------------|--|
| BC Sdn Bhd (BCSB) | Membina dan memiliki menara pejabat di pusat komersial |
| DE Sdn Bhd (DESB) | Membina dan memiliki lot runcit di pusat komersial |

| | |
|-------------------|---|
| FG Sdn Bhd (FGSB) | Membangunkan pangsapuri di pusat komersial untuk dijual |
| JK Sdn Bhd (JKSB) | Membina dan memiliki sebuah hotel bersebelahan dengan pusat komersial |

Kesemua syarikat di atas memerlukan pembiayaan untuk melaksanakan projek pembangunan masing-masing. Oleh itu, SBK telah diperbadankan semata-mata untuk tujuan menerbitkan program sukuk yang telah diluluskan oleh SSM.

SBK ini dimiliki bersama oleh keempat-empat syarikat subsidiari dimana setiap syarikat memegang 25% kepentingan dalam SBK. Jumlah pembiayaan yang diperlukan oleh setiap syarikat akan ditentukan dari awal penubuhan SBK. Hasil yang diperolehi oleh SBK daripada program sukuk akan disalurkan kepada keempat-empat syarikat subsidiari ini melalui pinjaman antara syarikat dan terma pinjaman adalah sama seperti terma sukuk.

Isu yang berbangkit adalah sama ada peruntukan Seksyen 60I ACP adalah terpakai atau tidak bagi kes ini memandangkan SBK telah ditubuhkan secara bersama oleh Pemula dan beberapa buah syarikat projek yang lain semata-mata untuk penerbitan sukuk di bawah prinsip Wakalah yang telah diluluskan oleh SSM.

Dalam kes ini disebabkan SBK turut dimiliki oleh anak-anak syarikat yang lain selain daripada syarikat Pemula, maka Peruntukan Seksyen 60I ACP adalah tidak terpakai.

Peruntukan Seksyen 60I ACP hanyalah terpakai bagi kes di mana sebuah syarikat (Pemula) menubuhkan sebuah SBK iaitu secara hubungan berasaskan satu ke satu (*one to one basis*) semata-mata bagi tujuan penerbitan sukuk.

Contoh 6:

Layanan cukai jika terdapat syarikat subsidiari yang terlibat sebagai penjamin bagi penerbitan sukuk selain daripada Pemula

Telco Network Sdn Bhd (TNSB) adalah sebuah syarikat di bawah Kumpulan Telco Link, yang diperbadankan di Malaysia pada tahun 2010 dan terlibat dalam menyediakan kemudahan rangkaian telekomunikasi.

Bermula dari tahun 2020, TNSB telah menubuhkan sebuah SBK yang dinamakan Eastlink Sukuk Berhad (ESB). Aktiviti utama ESB adalah untuk mengumpul dana melalui terbitan sukuk.

Di bawah program sukuk ini, ESB berhasrat menerbitkan Sukuk Wakalah sehingga RM3 bilion dalam nilai nominal yang dijamin bersama oleh TNSB dan dua anak syarikat lain di bawah Kumpulan Telco Link iaitu Telco Matrix Sdn Bhd (TMSB) dan Telco Arena Sdn Bhd (TASB). Program Sukuk ini telah mendapat kelulusan daripada SSM.

Terbitan sukuk pertama telah selesai pada 1 Jun 2021 dengan nilai nominal sebanyak RM 1.3 bilion.

Tujuan penerbitan sukuk adalah untuk membiayai perbelanjaan modal, pelaburan, modal kerja, pembiayaan semula pinjaman, perbelanjaan operasi dan perbelanjaan lain bagi kumpulan syarikat. Dalam kes ini, ESB didapati tidak memenuhi kriteria SBK di bawah Seksyen 60I ACP kerana penggunaan Seksyen 60I adalah terhad kepada hubungan satu ke satu (*one to one*) antara Pemula dan SBK.

Sekiranya terdapat syarikat subsidiari yang lain turut terlibat sebagai penjamin kepada penerbitan sukuk selain daripada Pemula, maka Peruntukan Seksyen 60I ACP adalah tidak terpakai. Walaupun tiada halangan yang dikenakan oleh SSM, kewujudan lebih daripada satu syarikat yang menuntut boleh menyebabkan risiko ke atas pembahagian kos oleh setiap entiti dan berpotensi ke arah manipulasi tuntutan.

Walaubagaimanapun, memandangkan ESB (SBK) telah memenuhi maksud "syarikat" dan telah menerbitkan program sukuk yang diluluskan, ESB layak menuntut potongan perbelanjaan penerbitan sukuk di bawah P.U.(A) 5/2021.

Pada masa yang sama, TNSB sebagai Pemula, tidak layak menuntut potongan perbelanjaan penerbitan sukuk. Begitu juga dengan syarikat subsidiari, TMSB dan TASB juga tidak layak menuntut potongan perbelanjaan penerbitan sukuk berkenaan.

Daripada kes ini dapatlah dirumuskan bahawa pemakaian Peruntukan Seksyen 60I ACP adalah terhad kepada hubungan berasaskan satu ke satu (*one to one basis*) di antara syarikat Pemula dan SBK.

8. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**